

A graphic of a scroll with a white background and a black outline. The scroll is partially unrolled, with the top and bottom edges curled up. The text 'BAB SATU' is written in the center of the scroll in a bold, black, sans-serif font.

# BAB SATU

## 1.PENDAHULUAN.

### 1.1. Pengenalan.

*Nāsikh* dan *mansūkh* adalah satu daripada beberapa bidang kajian tentang al-Qur'ān yang dianggap penting. Perbahasannya telah diperkatakan seawal zaman Sahabat sehingga ke hari ini. Ramai tokoh yang terbabit secara langsung dengan karya-karya yang dihasilkan dengan pelbagai perbincangan dan perbincangan.

Pengkajian tentang ilmu ini adalah amat perlu kerana perbahasannya amat luas dan metodologi yang pelbagai daripada beberapa generasi ulama'. *Nāsikh* dan *mansūkh* mempunyai kaedah dan syarat-syarat yang tersendiri sesuai dengan tarafnya sebagai satu bidang yang mempunyai disiplin ilmu yang tersendiri.

Antara tokoh yang menyumbang dalam bidang ini adalah Ibn al-Jawzī. Beliau merupakan di antara tokoh dalam '*ulūm al-Qur'ān* dan ilmu tafsir. Beliau telah menyusun sebuah buku berjudul *Nawāsikh al-Qur'ān* khusus membicarakan ayat yang berkaitan dengan *nāsikh* dan *mansūkh*.

Ibn al-Jawzī mempunyai kebolehan dan keilmuan dalam bidang ini. Beliau telah mengemukakan pandangan yang tersendiri tentang pembahagian *nāsikh* dan *mansūkh*, syarat-syarat dan kaedah dalam bidang ini. Perbincangan beliau dalam bidang ini amat menarik dan berdimensi. Iltizam beliau telah melahirkan satu metodologi dalam amalan konsep *nāsikh* dan *mansūkh*.

Setiap ulama' yang menyumbang dalam bidang ini mempunyai kaedah atau metodologi mereka yang tersendiri. Hasilnya, terdapat di kalangan mereka yang longgar dalam penggunaan istilah *nāsikh* dan *mansūkh* dan sebaliknya lahir satu aliran yang terlalu ketat dalam penggunaannya. Namun penggunaan istilah ini secara cermat dan teliti merupakan jalan yang terbaik buat para Ilmuan Islam dan Umat Islam keseluruhannya.

### **1.2. Latar Belakang Masalah Kajian.**

Perpustakaan Islam kaya dengan khazanah ilmu hasil peninggalan ulama' silam dan terus dipenuhi dengan karya-karya ulama' dan pengkaji zaman kini. Ini adalah satu daripada bukti kehebatan al-Qur'an yang telah dikaji dan perlu terus dikaji dari pelbagai perspektif. Contohnya, terdapat kajian tentang bahasa yang menghasilkan dapatan tentang *i'jaz* bahasa. Kajian tentang isi kandungan pula antara lain membuah hasil dalam teori *nāsikh* dan *mansūkh*.

Perbahasan *nāsikh* dan *mansūkh* adalah atas dasar menerima atau menolak kenyataan ayat al-Qur'an mengenai sesuatu perkara. Oleh yang demikian, ilmu ini mempunyai kepentingannya yang amat tinggi sama ada bentuk peranan atau kajian yang perlu dilakukan. Ilmu ini mempunyai kaitan yang amat rapat dalam penentuan halal dan haram serta wajib dan sunat. Sebagai contoh, penentuan hukum memerangi orang-orang *Musyrikin* ketika bulan haram berdasarkan firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ  
 وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ  
 أَكْبَرُ عِندَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يَقْتُلُونَكُمْ  
 حَتَّى يَزِيدُوا كُفْرًا عَنْ دِينِكُمْ إِن سَأَلْتَهُمْ إِن سَأَلْتَهُمْ إِن سَأَلْتَهُمْ  
 عَنِ دِينِهِمْ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ  
 فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad) mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati. Katakanlah “peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam ) dari jalan Allah, dan perbuatan kufur kepadanya, dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjidil Haram serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah”. Dan (ingatlah) engkau angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan-bulan yang dihormati). Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu sehingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian): dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (Islam) lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).

Terjemahan Surah al-Baqarah. (2):217

Berkaitan dengan hukum larangan memerangi orang *Musyrikin* di bulan tersebut berdasarkan ayat di atas , terdapat di kalangan Ulama’ Tafsir yang mendakwa bahawa ayat tersebut adalah *mansūkh*.<sup>1</sup> Oleh itu hukum memerangi

<sup>1</sup> Muḥammad bin ‘Alī al-Syawkāni, (1996), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 1, Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyah, m.277.

orang *Musyrikin* pada bulan haram adalah dibenarkan oleh Islam berdasarkan ayat al-Qur'ān di bawah:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الْدِينُ الْقَائِمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ  
أَنفُسَكُمْ وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ  
مَعَ الْمُتَّقِينَ

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan pada sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati, (ketetapan) yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiayai diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.

Terjemahan Surah al-Tawbah ( 9): 36

Berdasarkan peranan *nāsikh* dan *mansūkh* yang amat besar dalam penentuan hukum, maka konsep ini telah digunakan secara meluas dan kadang-kadang terlalu terbuka. Untuk mengeneipkan satu-satu hukum, istilah ini telah digunakan dengan mudah. Sebagai contoh, dakwaan bahawa ayat 5 surah *al-Tawbah* yang dikenali sebagai ayat *al-sayf* adalah *nāsikh* bagi semua ayat yang berkaitan dengan perang (*qitāl*).<sup>2</sup> Firman Allah:

<sup>2</sup> Yūsuf al-Qardāwī (1999), *Kayfa Nata'āmal ma'a al-Qur'ān al-'Azīm*, Kaheerah: Dār al-Syurūq, m.330.

فَإِذَا أَنْسَلَخَ الْأَشْهُرَ الْحُرْمَ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ  
وَخُذُوهُمْ وَأَخْضِرُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ قَبْلِ أَنْ تَبْأُؤُا  
وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَاوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu, maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka, dan tawanlah mereka dan juga kepunglah mereka, serta tunggulah mereka pada tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu), sesungguhnya Allah amat pengampun, lagi amat mengasihani.

Terjemahan Surah al-Tawbah (9): 5.

Implikasi penggunaan teori ini tanpa ilmu dan kefahaman yang mendalam boleh membawa kesan yang buruk pada pemahaman ayat al-Qur'an dan hukum itu sendiri.

Karya yang telah dihasilkan oleh sejumlah ulama' yang muktabar perlu dikaji agar dapat difahami metodologi mereka. Ini kerana, mereka mempunyai metodologi dan prinsip yang agak berbagai sama ada longgar atau terlalu ketat. Kefahaman tentang metodologi ini mampu memberi satu gambaran yang mantap kepada pengkaji tentang kepentingan, keperluan dan aplikasinya dalam hukum-hakam. Penilaian terhadap hukum dan ijtihad ulama' dapat dilakukan dengan lebih efektif. Oleh itu, kajian ini adalah amat penting dalam konteks Pengajian al-Qur'an secara khusus dan Pengajian Islam secara umum.

Atas dasar tersebut, kajian tentang metodologi Ibn al-Jawzī merupakan satu langkah untuk memenuhi tuntutan berkenaan. Ibn al-Jawzī merupakan tokoh yang mempunyai sumbangan yang amat besar dalam Pengajian Islam. Kitab beliau menjadi rujukan dalam pelbagai bidang. Beliau mempunyai prinsip dan metodologi yang tersendiri dalam penulisan dan ijtihadnya. Metodologi ini perlu dikaji agar kita dapat memahami konsep *nāsikh* dan *mansūkh* yang digunakan oleh beliau.

Tanpa usaha yang berterusan untuk mengkaji pandangan dan metodologi yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī akan mendatangkan satu kerugian terhadap khazanah Pengajian Islam yang berkualiti dan bernilai tinggi.

### **1.3. Kenyataan Tentang Masalah Kajian.**

Kajian yang telah dilakukan oleh penulis dengan tajuk Metodologi Ibn al-Jawzī Dalam *Nāsikh* dan *Mansūkh*: Kajian Terhadap Buku Nawāsikh al-Qur'ān menghadapi beberapa masalah. Antara masalah-masalah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Kekurangan bahan rujukan yang premier dalam Bahasa Arab di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ii) Kesukaran untuk membeli buku-buku berbahasa Arab kerana kekurangan kedai buku menjual buku-buku yang akan digunakan sebagai rujukan.

- iii) Kesukaran untuk meminjam bahan-bahan rujukan dari perpustakaan selain di Universiti Malaya kerana pihak-pihak lain mempunyai peraturan yang ketat.
- iv) Jarak kediaman penulis dengan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya agak jauh iaitu 145 km, menyukarkan pergerakan penulis untuk mencari bahan rujukan.
- v) Ketiadaan Perpustakaan Awam berhampiran tempat kediaman penulis.
- vi) Masa yang terhad kerana semasa menyiapkan kajian ini, penulis merupakan seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.
- vii) Penulis tidak mendapat tajaan atau pinjaman daripada mana-mana pihak dan semua perbelanjaan adalah ditanggung sepenuhnya oleh penulis.

#### **1.4. Objektif Kajian.**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang berteraskan tujuan keilmuan itu sendiri. Antara objektif-objektif tersebut ialah:

- i) Mengetahui kepentingan ilmu *nāsikh* dan *mansūkh* dalam penentuan hukum dalam Islam.
- ii) Mengenali ketokohan Ibn al-Jawzī dalam bidang Ilmu Tafsir dan '*Ulūm al-Qur'ān*'.



- iii) Mengkaji metodologi yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī dalam penyusunan buku *Nawāsikh al-Qur'ān* serta mengetahui kaedah-kaedah Ibn al-Jawzī dalam penentuan *nāsikh* dan *mansūkh*.
- iv) Mengetahui syarat-syarat penerimaan *nāsikh* dan *mansūkh* menurut Ulama' Tafsir.
- v) Memenuhi syarat Bahagian II Sarjana Usuluddin Universiti Malaya secara Berkursus dan Disertasi.

### 1.5. Hipotesis.

- i) Ibn al-Jawzī mempunyai metodologi yang tersendiri dalam mengaplikasikan konsep *nāsikh* dan *mansūkh*.
- ii) Beliau mempunyai pendekatan yang tegas dan hanya menerima penggunaan *nāsikh* dan *mansūkh* dalam keadaan yang benar-benar pasti.
- iii) Beliau menolak banyak dakwaan tentang ayat-ayat yang dikaitkan dengan *nāsikh* dan *mansūkh*.
- iv) Metodologi beliau mempunyai kaitan yang rapat dengan mazhabnya iaitu Mazhab *Hambali*.
- v) *Nāsikh* dan *mansūkh* hanya terpakai dalam ayat-ayat hukum sahaja.

## 1.6. Kepentingan Kajian.

Al-Qur'ān menjadi kitab hidayah dan rujukan bagi semua manusia semenjak ianya diturunkan ke atas Nabi Muhammad sehingga ke hari kiamat. Hal ini tidak mungkin berterusan jika kita tidak meneruskan langkah-langkah ulama' silam untuk mengkaji al-Qur'ān. Pada dasarnya, mengkaji *nāsikh* dan *mansūkh* dan metodologi Ibn al-Jawzī dalam bukunya yang bertajuk *Nawāsikh al-Qur'ān* merupakan satu tugas yang mempunyai kepentingan kepada Pengajian Islam. Ini dapat dilihat dari beberapa sudut seperti:

- i) *Nāsikh* dan *mansūkh* mempunyai hubungan secara langsung dengan penentuan ijtihad terhadap hukum-hukum Islam.
- ii) Metodologi yang digunakan oleh seseorang ulama' merupakan satu elemen yang penting untuk mengetahui konsep yang digunakan oleh seseorang itu.
- iii) Al-Qur'ān yang diturunkan pada zaman Nabi Muhammad dengan konsep *tadarruj* sebagai penyelesaian terhadap masalah dan persoalan masyarakat yang berlaku mempunyai pertalian yang rapat dengan *nāsikh* dan *mansūkh*. Pemahaman konsep *nāsikh* dan *mansūkh* dan pelaksanaan hukum secara *tadarruj* itu dapat digunakan dalam realiti kehidupan masyarakat.
- iv) Ibn al-Jawzī adalah antara ulama' Islam yang ulung. Oleh itu, karya-karya beliau semestinya dikaji dan dimanfaatkan oleh generasi selepasnya. Ini merupakan satu asas yang kukuh untuk memahami ayat al-Qur'ān.

- v) Aplikasi *nāsikh* dan *mansūkh* ini telah mempengaruhi ikhtilaf hukum di kalangan umat Islam. Dengan pemahaman tentang metodologi yang digunakan oleh seseorang itu dapat menyatukan perbezaan pendapat atau merapatkan jurang pemisah antara pendapat tersebut.

### 1.7. Skop Kajian.

Kajian yang dilakukan dengan tajuk: Metodologi Ibn al-Jawzī dalam *Nāsikh dan Mansūkh* : Kajian Terhadap Buku Nawāsikh al-Qur'ān adalah satu kajian yang berkaitan dengan '*ulūm al-Qur'ān*. Walaupun ilmu ini dibahaskan juga dalam ilmu fiqh namun perbahasan dalam kajian ini tidak akan menjurus kepada aspek fiqh secara langsung.

Data-data yang diperolehi kebanyakannya adalah dari karya-karya dalam pengajian '*Ulūm al-Qur'ān* sama ada yang berbentuk klasik atau pun kontemporari. Karya-karya yang muktabar akan menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Begitu juga dengan tokoh-tokoh yang masyhur dan diiktiraf serta mempunyai autoriti . Buku-buku tafsir juga dirujuk sebagai rujukan premier dan utama.

Buku Nawāsikh al-Qur'ān merupakan teks utama kajian ini untuk melihat metodologi yang digunakan oleh pengarangnya Ibn al-Jawzī. Sebagai tambahan karya beliau dalam ilmu tafsir seperti *Zād al-Masīr fī 'Ilm al- Tafsīr* juga dirujuk untuk melihat pendapat beliau tentang sesuatu ayat al-Qur'ān. Oleh itu

hanya metodologi Ibn al-Jawzī sahaja yang dikaji secara terperinci berdasarkan karya tersebut.

Kajian ini akan disiapkan dalam masa 2 semester sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Sarjana Usuluddin secara Berkursus dan Disertasi.

### **1.8. Huraian Istilah.**

Di bawah ini akan dinyatakan huraian istilah bagi tajuk disertasi ini iaitu **Metodologi Ibn al-Jawzī dalam *Nāsikh* dan *Mansūkh*: Kajian terhadap Buku Nawāsikh al-Qur’ān.**

#### **1.8.1. Metodologi.**

Metodologi dalam Kamus Dewan bererti ilmu tentang metod atau sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Manakala perkataan metod pula bererti cara melakukan sesuatu atau sistem.<sup>3</sup> Secara ringkasnya metodologi bererti ilmu tentang cara pelaksanaan sesuatu.

---

<sup>3</sup> Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m. 826.

### 1.8.2. Ibn al-Jawzī.

Nama beliau ialah 'Abd. Al-Rahmān bin Abī al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad al-Jawzī al-Qarṣyī al-Baghḍādī. Beliau lebih terkenal dengan gelaran Ibn al-Jawzī. Beliau merupakan antara ulama yang ulung dan telah menghasilkan buku-buku dalam pelbagai bidang termasuk hadith, tafsir dan sejarah. Beliau lahir pada tahun 508 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 597 H di Baghdad.<sup>4</sup>

### 1.8.3. *Nāsikh* dan *Mansūkh*.

*Naskh* dari sudut bahasa bererti menghilangkan, menukarkan, membatalkan dan menggantikan tempatnya dengan sesuatu.<sup>5</sup> *Naskh* dari sudut istilah ialah mengangkat hukum yang awal dengan dalil syarak yang terkemudian<sup>6</sup> atau pembatalan hukum sesuatu perkara sehingga ia tidak boleh lagi dilaksanakan.<sup>7</sup> *Nāsikh* ialah hukum baru yang menggantikan hukum lama yang diamalkan sebelumnya. *Mansūkh* pula bererti hukum yang ditinggalkan amalannya akibat kedatangan hukum yang terkemudian serta bertentangan dengan hukum yang terdahulu.

---

<sup>4</sup> Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *al-'Aalām Qāmūs Tarājim*, j. 3, c.4, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, m. 316.

<sup>5</sup> Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'aqūb al-Fayruzābādī (t.t), *al-Qāmūs al-Muḥīt*, j. 4, Kaherah: Muassasah al-Halabi wa Syurakah, m. 271.

<sup>6</sup> Isma'īl bin 'Umar Ibn Kathīr (1996), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j. 1, Kaherah: Maktabah al-Īmān, m. 205.

<sup>7</sup> Jalāl al-Dīn Abd. Al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (t.t), *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, j.2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, m. 45.

#### 1.8.4. Kajian.

Kajian bererti kegiatan (usaha, kegiatan mengkaji), pengajian dan penyelidikan yang terperinci.<sup>8</sup> Penyelidikan ialah proses mencari pengetahuan baru dan merupakan salah satu cara manusia mencari kebenaran dan ketepatan. Dengan itu penyelidikan adalah proses penghasilan dan penambahan pengetahuan tentang manusia, alam dan sebagainya.<sup>9</sup>

#### 1.8.5. Buku *Nawāsikh al-Qur'ān*.<sup>10</sup>

*Nawāsikh al-Qur'ān* merupakan antara karya yang dihasilkan oleh Ibn al-Jawzī dalam bidang '*ulūm al-Qur'ān* dan tafsir. Buku ini merangkumi kaedah-kaedah *nāsikh* dan *mansūkh* yang digunakan oleh pengarangnya. Seterusnya ia membicarakan ayat-ayat al-Qur'ān yang dianggap sebagai *mansūkh* oleh sebahagian ulama' dan dikomentarkan oleh Ibn al-Jawzī. Buku ini telah diterbitkan oleh Dār al-Kutub al-'Imiyah, Beirut tanpa tarikh dan belum ditahqiq. Buku inilah yang menjadi bahan kajian penulis dalam disertasi ini.

---

<sup>8</sup> Teuku Iskandar, *op. cit.* m. 517.

<sup>9</sup> Sulaiman Masri (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, m. 1.

<sup>10</sup> Ibn al-Jawzī (t.t.), *Nawāsikh al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Imiyah.

## 1.9. Ulasan Penulisan

Sejauh pengamatan yang telah dilakukan, belum ada kajian yang khusus mengenai metodologi Ibn al-Jawzī dalam *nāsikh* dan *mansūkh* dilakukan oleh mana-mana sarjana.

Begitu juga tidak ada satu buku yang khusus membicarakan tentang metodologi Ibn al-Jawzī dalam *nāsikh* dan *mansūkh* ditulis dan diterbitkan sama ada dalam bahasa Arab atau Bahasa Melayu.

Namun metodologi Ibn al-Jawzī dalam buku ini ada disentuh secara ringkas oleh Sulaymān bin Ibrāhīm ketika melakukan *taḥqīq* terhadap buku Al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī Kitāb Allāh ‘Azz wa Jalla wa Ikhtilāf ‘Ulamā’ fī dhālik susunan Abū Ja‘afar Aḥmad bin Muḥammad al-Naḥḥās.<sup>11</sup> Ini disebut oleh beliau dalam pendahuluan *taḥqīq* tersebut sebagai perbandingan dengan pendapat al-Naḥḥās dalam beberapa ayat yang dijadikan contoh.

Muḥammad Asyraf ‘Alī al-Malbārī telah melakukan *taḥqīq* terhadap buku Nawāsikh al-Qur’ān ini dalam pengajian beliau untuk mencapai ijazah Sarjana di Jabatan al-Tafsir Universiti Islam di Madinah al-Munawwarah.<sup>12</sup> Namun kajian beliau ini memberi tumpuan yang khusus terhadap perbanding di antara manuskrip dan juga naskhah-naskhah yang belum *ditahqīq*. Sedangkan kajian yang akan dilakukan oleh penulis memberi fokus yang terperinci terhadap metodologi Ibn al-Jawzī dalam *nāsikh* dan *mansūkh* berdasarkan buku tersebut.

---

<sup>11</sup> Lihat Abū Ja‘afar Aḥmad bin Muḥammad al-Naḥḥās (1991), *Al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī Kitāb Allāh ‘Azz wa Jalla wa Ikhtilāf ‘Ulamā’ fī dhālik*, *taḥqīq*: Sulaymān bin Ibrāhīm, Beirut: uassasah al-Risālah, j.1, m. 309.

<sup>12</sup> Ibn al-Jawzī (1984), *Nawāsikh al-Qur’ān*, *taḥqīq*: Muḥammad Asyraf ‘Alī al-Malbārī, Riyad:

Ketokohan Ibn al-Jawzī tetap mendapat perhatian daripada penulis kontemporari dengan kemunculan karya yang membicarakan tentang keperibadian beliau. ‘Abd. al-‘Azīz Sayyid Hāsyim al-Ghazzulī menulis buku dengan tajuk *Ibn al-Jawzī al-Imām al-Murabbī wa al-Wā‘iz al-Balīgh wa al-‘Ālim al-Mufannin*.<sup>13</sup> Buku ini khusus membicarakan tentang keperibadian Ibn al-Jawzī sahaja tanpa memperkatakan tentang karya-karya beliau.

Dr ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dalam karyanya *Manāḥij al-Mufasssīrīn* menulis tentang metodologi Ibn al-Jawzī dalam tafsir berdasarkan buku *Zāid al-Masīr*.<sup>14</sup> Namun penulisan ini hanya dalam beberapa halaman sahaja dengan mengemukakan satu ayat al-Qur’ān beserta tafsirannya dari buku tersebut sebagai contoh.

Penulisan dan kajian tentang *nāsikh* dan *mansūkh* terus dijalankan oleh pengkaji-pengkaji semasa terutamanya dengan melakukan *taḥqīq* terhadap karya-karya klasik. Begitu juga buku-buku yang berkaitan dengan *nāsikh* dan *mansūkh* banyak ditulis sehingga zaman kini seperti *al-Naskh fī al-Qur’ān al-Karīm* oleh Dr Muṣṭafā Zayd. Dalam buku tersebut, pengarang juga mengemukakan sinopsis tentang isi kandungan buku *Nawāsikh al-Qur’ān* susunan Ibn al-Jawzī sebagai salah satu contoh buku yang ditulis mengenai *al-naskh*.<sup>15</sup> Antara buku

<sup>13</sup> ‘Abd. al-‘Azīz Saiyid Hāsyim al-Ghazzulī (2000), *Ibn al-Jawzī al-Imām al-Murabbī wa al-Wā‘iz al-Balīgh wa al-‘Ālim al-Mufannin*, Damsyik: Dār al-Qalam.

<sup>14</sup> ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *Manāḥij al-Mufasssīrīn*, Kaḥerah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī, m. 117-124.

<sup>15</sup> Muṣṭafā Zayd (t.t), *al-Nāskh fī al-Qur’ān al-Karīm*, Kaḥerah: Maktabah al-Madani.



lain yang ditulis berkaitan dengan *al-naskh* ialah *al-Nāsikh wa al-Mansūkh bayna al-Ithbāt wa al-Nafyi* oleh ‘Abd al Muta‘āl Muḥammad al-Jabari.<sup>16</sup>

Buku *Nawāsikh al-Qur‘ān* tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Wawan Djunaedi Soffandi, S. Ag dengan tajuk *Nasikh Mansukh Ayat-ayat al-Quran yang Dihapus*.<sup>17</sup> Berdasar ulasan tersebut, sewajarnya kajian dilakukan dengan sebaik mungkin untuk memenuhi tujuan-tujuan yang telah dinyatakan.

## **1.10. Metodologi Kajian.**

### **1.10.1. Jenis Penyelidikan.**

Penyelidikan yang dijalankan adalah satu kajian teks berdasarkan buku yang dihasilkan pada abad keenam Hijrah oleh Ibn al-Jawzī. Kajian ini dibuat dalam bentuk analisis kandungan atau *content analysis* dengan tujuan untuk menghasilkan fakta yang tidak diwarnai oleh emosi, sentimen, sikap atau sebagainya.<sup>18</sup> Ini bertujuan agar teks tersebut dapat difahami dengan tepat supaya metodologi penulis dan kandungannya dapat difahami dan digunakan dengan sebaik mungkin.

---

<sup>16</sup> ‘Abd al-Muta‘āl Muḥammad al-Jabari (1987), *al-Nāsikh wa al-Mansūkh bayna al-Ithbāt wa al-Nafyi*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.

<sup>17</sup> Ibnul Jauzi (2002), *Nasikh Mansukh Ayat-ayat Al-Quran Yang Dihapus*, Wawan Djunaedi Soffandi, S. Ag (terj.) Jakarta: Pustaka Azzam.

<sup>18</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan, Satu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM. m. 37.

### **1.10.2. Metodologi Kajian.**

Dalam pengkajian ini, penulis menggunakan beberapa metodologi agar hasil pengkajian ini bermutu tinggi. Metodologi ini dapatlah penulis bahagikan kepada :

#### **i) Metod Penentuan Subjek.**

Dalam menentukan subjek penyelidikan, penulis telah memilih metodologi Ibn al-Jawzī dalam karya beliau yang bertajuk *Nawāsikh al-Qur'ān*.

#### **ii) Metod Pengumpulan Data.**

Penyelidikan yang dilakukan oleh penulis bertujuan untuk mengumpulkan data dan seterusnya membuat tafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Di bawah ini penulis akan mengemukakan metodologi yang digunakan dalam pengumpulan data.

#### **a) Sumber Perpustakaan.**

Perpustakaan adalah tempat yang terpenting bagi seseorang penulis kerana seseorang itu boleh memperolehi maklumat penting yang berkaitan dengan tajuk penulisan ilmiahnya.<sup>19</sup> Metodologi yang digunakan oleh penulis dalam pengumpulan data adalah sumber perpustakaan. Metodologi ini penting kerana

---

<sup>19</sup> Mohd. Azhar Abd. Hamid *et. al.* (2001), *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*, Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia, m. 56.

penulisan ilmiah ini dibuat berdasarkan kepada kaedah deskriptif yang mana penulis hanya menggunakan bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan sahaja. Metod ini merupakan metod yang paling dominan dan digunakan oleh penulis dalam usaha mengumpulkan data merangkumi bab satu, dua, tiga dan empat.

Di antara perpustakaan yang digunakan oleh penulis ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- 2) Perpustakaan Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 3) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- 4) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- 5) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.

### **iii) Metod Analisa Data.**

Setelah semua data yang diperlukan terkumpul melalui metod yang penulis sebutkan di atas, penulis mengadakan atau membuat pengolahan data-data dan menganalisa segala data yang telah dikumpul.

Dalam menganalisa data-data ini penulis menggunakan metod-metod analisa diskripsi kualitatif dalam semua bab. Metod-metod ini adalah seperti berikut:

- a) Metod Deduksi. ( al-Istinbati )
- b) Metod Induksi. ( al- Istiqra'i )
- c) Metod Komparatif.

**a) Metod Deduksi.**

Metod ini adalah satu cara menganalisa data dengan cara penulis memulakan pernyataan am atau menyeluruh bagi sesuatu yang bersifat umum. Kemudian barulah penulis membuat pernyataan khusus yang menyentuh tentang salah satu daripada kumpulan yang terkelompok di dalamnya.<sup>20</sup> Ianya digunakan sebagai salah satu cara menganalisa data yang dilakukan dalam penyelidikan ini. Penulis memaparkan data-data yang bersifat umum itu kemudiannya membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Metod ini digunakan hampir dalam semua bab.

**b) Metod Induksi.**

Di samping metod deduksi, penulis juga menggunakan metod induksi. Metod ini adalah cara menganalisa dengan penulis memulakan analisisnya dengan pernyataan yang khusus, kemudian mengarahkan kepada pernyataan yang umum, iaitu pernyataan yang bersifat menyeluruh. Pernyataan hujah seperti ini memerlukan pemerhatian yang mendalam.<sup>21</sup> Metod ini juga digunakan dalam semua bab.

**c) Metod Komperatif.**

Metod Komperatif adalah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penyelidikan

---

<sup>20</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid (2001), *op. cit.* m. 194.

<sup>21</sup> *Ibid.* m. 197.

dilakukan. Segala data, fakta dan pendapat yang berkenaan dikumpul dan dianalisa sebagai perbandingan untuk melihat hasilnya.

Semua data-data tersebut dibuat perbandingan secara saksama dan dari perbandingan tersebut dapatlah penulis membuat kesimpulan dan melengkapkan kajian ini. Metod ini hanya digunakan dalam bab dua, tiga dan empat.

### **1.11. Sistemika Penulisan.**

Penulisan ini dibahagikan kepada lima bab, terdiri daripada bab satu iaitu Bab Pendahuluan. Dalam bab ini penulis telah mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan latar belakang masalah kajian, objektif, hipotesis, kepentingan, skop, huraian istilah serta metodologi penulisan. Pengenalan tokoh iaitu Ibn al-Jawzī dikemukakan dalam bab dua. Penulis telah mengkaji dan mengemukakan tentang beberapa perkara berkaitan dengan Ibn al-Jawzī yang difikirkan mempunyai kaitan dengan kajian seperti keperibadian, guru-guru serta karya-karya beliau.

Dalam bab tiga, penulis menghuraikan perbincangan tentang *nāsikh* dan *mansūkh* menurut Ulama Tafsir dan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian. Ini penting kerana untuk mengkaji metodologi seseorang itu, pengetahuan terhadap perkara tersebut adalah amat penting. Antara kandungan bab ini ialah definisi *naskh*, syarat-syarat, jenis serta karya-karya yang telah dihasilkan berkaitan dengannya.

Bab empat merupakan analisa penulis terhadap buku tersebut serta metodologi yang digunakan oleh Ibn al-Jawzī dalam penggunaan konsep *nāsikh dan mansūkh*. Bab ini juga menghuraikan komentar yang dilakukan oleh pengarangnya terhadap pendapat-pendapat ulama' yang lain. Bab lima pula mengandungi rumusan yang dibuat oleh penulis dalam kajian ini. Cadangan juga dikemukakan dalam bab ini untuk tindakan bersama.